

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN PB ACE ENTERPRISE

Kempen PB ACE Enterprise (“Kempen”) dilancarkan oleh Public Bank Berhad [6463-H] (“PBB”). Terma dan syarat yang berikut mengawal Kempen yang ditawarkan kepada Peserta yang Layak, seperti yang ditakrifkan di bawah:-.

1. Butir-butir Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 September hingga 31 Disember 2018** (“Tempoh Kempen”). PBB berhak untuk menukar tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh berakhirnya Tempoh Kempen.
- 1.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PBB di Malaysia.

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada pelanggan bukan individu, iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan yang tidak mempunyai Akaun Semasa atau Akaun Simpanan (“CASA”) dengan PBB atau Public Islamic Bank (“PIBB”) sebelum bermulanya Tempoh Kempen [“Peserta yang Layak”].
- 2.2 Produk yang Layak di bawah Kempen ini ialah seperti yang berikut:

Bil.	Produk yang Layak
1.	Akaun ACE Enterprise*
2.	PB enterprise di bawah Pakej Asas dan Pakej Premium

* Layak untuk perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).

- 2.3 Peserta yang Layak perlu membuka Akaun ACE Enterprise dan mendaftar untuk PB enterprise semasa Tempoh Kempen untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.
- 2.4 Seorang pelanggan yang memohon untuk Pakej Pertanyaan Akaun PB enterprise tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.
- 2.5 Deposit yang dibuat di bawah Kempen ini untuk membuka Akaun ACE Enterprise mestilah dana baharu. “**Dana baharu**” merujuk pada dana yang bukannya daripada dana sedia ada yang disimpan dalam mana-mana akaun deposit Peserta yang Layak dengan PBB atau PIBB.

- 2.6 Sumber dana baharu yang diterima ialah seperti yang berikut:
- a) Tunai yang diterima daripada sumber luar;
 - b) Prosid yang diterima daripada pendebitan suatu akaun (dengan syarat sumber dana itu adalah dana baharu yang didepositkan dalam akaun berkenaan);
 - c) Prosid daripada cek sendiri daripada pihak ke-3;
 - d) Prosid daripada cek tempatan; dan/atau
 - e) Prosid daripada Pindahan Telegraph (TT) /GIRO Antara Bank (IBG)/ RENTAS daripada bank lain.
- 2.7 Kempen ini tidak sah dengan promosi produk lain yang ditawarkan serentak oleh PBB.
- 2.8 Peserta yang Layak perlu membuka Akaun ACE Enterprise dan mendaftar untuk PB enterprise di cawangan yang sama semasa Tempoh Kempen.

3. Mekanisme Kempen

- 3.1 Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak perlu memenuhi Kriteria Kempen seperti yang berikut:
- a) Membuka Akaun ACE Enterprise baharu dengan amaun deposit permulaan minimum sebanyak RM20,000; DAN
 - b) Mendaftar untuk PB enterprise di bawah Pakej Asas atau Pakej Pemium
- 3.2 Apabila Kriteria Kempen dipenuhi, Peserta yang Layak berhak untuk mendapat Ganjaran Kempen seperti yang berikut:

Produk yang Layak	Ganjaran Kempen
Akaun ACE Enterprise	<ul style="list-style-type: none"> • e-Baucar Shopee bernilai RM288 (“e-Baucar”). • Kadar Faedah Tambahan sebanyak 1% setahun bagi tempoh tiga (3) bulan bermula pada tarikh Akaun ACE Enterprise dibuka bagi Baki Harian Purata (DAB) yang melebihi RM20,000.
PB enterprise di bawah Pakej Premium	<ul style="list-style-type: none"> • Pengecualian fi bagi Perkhidmatan Senarai Gaji/Bayaran Pukul untuk PB enterprise di bawah Pakej Premium bagi tempoh tiga (3) bulan kalendar bermula pada tarikh PBB meluluskan permohonan Peserta yang Layak bagi Pakej Premium PB enterprise.

- 3.3 e-Baucar tersebut akan dihantar ke alamat e-mel yang dinyatakan oleh Peserta yang Layak **dalam tempoh lapan (8) minggu** dari tarikh Akaun ACE Enterprise dibuka atau pada tarikh pendaftaran PB enterprise, mana yang kemudian.
- 3.4 e-Baucar itu akan dikeluarkan atas dasar siapa cepat, dia dapat, sementara stok masih ada.
- 3.5 e-Baucar itu tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukar untuk tunai, kredit atau barang, sebahagian atau sepenuhnya.
- 3.6 PBB berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menggantikan e-Baucar tersebut, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan produk yang sama nilainya pada bila-bila masa dan/atau untuk menambah atau mengurangkan bilangan e-Baucar tersebut.

Peserta yang Layak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa cukai, kos sampingan dan/atau caj lain berkaitan dengan e-Baucar tersebut. PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa cukai, kos sampingan, caj yang dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau e-Baucar yang tidak diterima oleh Shopee.


- 3.7 Peserta yang Layak perlu menghubungi Perkhidmatan Pelanggan Shopee (03-2298 9222) secara terus pada hari Isnin hingga Ahad antara pukul 9.00 pagi hingga 6.00 petang, termasuk Hari Cuti Umum atau e-mel kepada support@shopee.com.my berkaitan dengan apa-apa pertanyaan, tuntutan atau isu berhubung dengan e-Baucar berkenaan.
- 3.8 Peserta yang Layak yang mengekalkan DAB melebihi RM20,000 dalam Akaun ACE Enterprise layak untuk mendapat Kadar Faedah Tambahan sebanyak 1.00% setahun selama tempoh tiga (3) bulan selain kadar faedah semasa Akaun ACE Enterprise seperti yang berikut:

$$\text{Faedah Tambahan} = (\text{DAB}^{\#} - \text{RM20,000}) \times 1.00\% \text{ setahun} \times (\text{Bil. Hari}^*/365)$$

DAB ditakrifkan sebagai agregat baki harian bagi tiga (3) bulan dibahagikan dengan jumlah bilangan hari sebenar selama tempoh tiga (3) bulan bermula pada tarikh Akaun ACE Enterprise dibuka.

* Jumlah bilangan hari selama tempoh tiga (3) bulan dari tarikh Akaun ACE Enterprise dibuka.


Contohnya:



$$\begin{aligned} \text{Faedah Tambahan} &= (\text{RM}100,000 - \text{RM}20,000) \times 1\% \text{ setahun} \times (91 \text{ Hari} / 365) \\ &= \text{RM}199.45 \end{aligned}$$


- 3.9 Faedah Tambahan akan dikreditkan dalam Akaun ACE Enterprise dalam tempoh satu (1) bulan selepas tempoh tiga (3) bulan berkenaan mulai dari tarikh Akaun ACE Enterprise dibuka atau dalam tempoh satu (1) bulan selepas PBB meluluskan permohonan Peserta yang Layak untuk Pakej Premium PB enterprise, mana yang kemudian.

Senario 1:



Faedah Tambahan akan dikreditkan dalam Akaun ACE Enterprise dalam tempoh satu (1) bulan mulai dari 17 Disember 2018.

Senario 2:



Faedah Tambahan akan dikreditkan dalam Akaun ACE Enterprise dalam tempoh satu (1) bulan mulai dari 29 Disember 2018.

- 3.10 e-Baucar dan Faedah Tambahan itu di tawarkan kepada Peserta yang Layak atas dasar setiap pelanggan.
- 3.11 Suatu akaun yang ditukarkan daripada Akaun Tak Layak kepada Akaun ACE Enterprise semasa Tempoh Kempen tidak layak untuk mendapat e-Baucar dan Faedah Tambahan.
- 3.12 Sekiranya Peserta yang Layak menutup Akaun ACE Enterprise sebelum berakhirnya Tempoh Kempen atau sebelum pengkreditan Faedah Tambahan tersebut dan/atau penghantaran e-Baucar, akaun sedemikian tidak layak untuk mendapat Faedah Tambahan dan/atau e-Baucar.
- 3.13 Peserta yang Layak yang mendaftar untuk Pakej Premium PB enterprise layak untuk mendapat pengecualian fi bagi Perkhidmatan Senarai Gaji/Bayaran Pukul (“Pengecualian Fi”), iaitu Pindahan Dana Antara Bank dan Pindahan GIRO Antara Bank untuk tiga (3) bulan kalendar*, seperti yang berikut:

Jenis Urus niaga	Fi dan Caj
Pindahan Dana Dalam Bank	Dikecualikan
Pindahan Dana GIRO Antara Bank	Dikecualikan
Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata	RM2.00 bagi setiap urus niaga yang berjaya atau tidak berjaya
Sokongan Akaun dan Fi Penyenggaraan Bulanan	Dikecualikan
Token SecureSign	Dikecualikan

*Tiga (3) bulan kalendar dari tarikh PBB meluluskan permohonan Pakej Premium PB enterprise Peserta yang Layak

Contohnya:

Semua Peserta yang Layak yang mendapat kelulusan Pengecualian Fi pada bulan September 2018 akan menikmati Pengecualian Fi sehingga 31 Disember 2018. Pengecualian Fi itu akan berakhir pada 1 Januari 2019 bagi semua Peserta yang Layak dalam bulan yang sama, iaitu September 2018.

Begitu juga, Peserta yang Layak yang mendapat kelulusan Pengecualian Fi pada bulan Oktober, November dan Disember 2018, Pengecualian Fi akan berakhir masing-masing pada 1 Februari, 1 Mac dan 1 April 2019.

Selepas Pengecualian Fi selama tiga (3) bulan kalendar, fi dan caj bagi Pakej Premium PB enterprise akan ditukarkan semula kepada fi dan caj PBB sedia ada.

4. Liabiliti dan Tanggungjawab

- 4.1 PBB TIDAK akan bertanggungjawab dalam apa juga cara, atas apa-apa kejadian yang diakibatkan oleh bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekat masuk kerja, tindakan perusahaan, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, apa juga gangguan teknikal atau sistem, campur tangan manusia tanpa kebenaran dan kesilapan elektronik atau manusia dalam pengendalian dan pemprosesan Kempen ini.
- 4.2 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, atas apa-apa kehilangan dan kerosakan atau apa juga sekalipun yang dialami oleh Peserta yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagian, berikutan penyertaan mereka dalam Kempen tersebut.
- 4.3 PBB menolak apa-apa liabiliti, tanggungjawab atau kewajipan berkaitan dengan e-Baucar tersebut. Peserta yang Layak perlu berurusan secara terus dengan Perkhidmatan Pelanggan Shopee sekiranya timbul apa-apa isu seperti tuntutan, Terma dan Syarat mengenai e-Baucar itu.
- 4.4 Apa-apa risiko kehilangan atau kecurian e-Baucar akan berpindah kepada Peserta yang Layak selepas e-Baucar dihantar kepada Peserta yang Layak melalui alamat e-mel yang diberi oleh Peserta yang Layak. PBB tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi atau berkewajipan untuk menggantikan e-Baucar yang hilang atau dicuri.

5. Hak PBB

- 5.1 PBB mempunyai hak atas budi bicara mutlak untuk meminda, memotong dan/atau membuat penambahan kepada mana-mana Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar dalam laman web PBB atau menerusi kaedah komunikasi lain yang PBB anggap sesuai dan pindaan, potongan atau penambahan sedemikian hendaklah berkuat kuasa pada tarikh sebagaimana yang akan ditetapkan oleh PBB. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak dianggap bersetuju untuk mematuhi pindaan, pemotongan atau penambahan Terma dan Syarat berkenaan sebagaimana di atas.

- 5.2 Kelayakan Peserta yang Layak ke atas Ganjaran adalah atas budi bicara PBB. Keputusan PBB berhubung dengan semua perkara berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat dan tiada surat-menyurat atau percubaan untuk mempertikaikan keputusan tersebut akan dilayani.
- 5.3 Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penundaan Kempen ini oleh PBB tidak memberi hak kepada Peserta yang Layak untuk membuat tuntutan atau meminta ganti rugi daripada PBB bagi mana-mana dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak secara langsung atau tidak langsung berikutan perubahan dalam tempoh atau tarikh akhir atau tindakan pembatalan, penamatan atau penundaan tersebut.

6. Lain-lain

- 6.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak:-
 - a) bersetuju bahawa terma dan syarat ini akan diguna pakai bersama-sama dengan Peraturan-peraturan yang mengawal pembukaan dan pengendalian Produk yang Layak dengan PBB, yang sesalinannya telah diberi kepada Peserta yang Layak;
 - b) bersetuju dan membenarkan maklumat berkenaan dengan Produk yang Layak boleh diproses, dikumpulkan, digunakan dan disimpan oleh PBB bagi tujuan Kempen ini; dan
 - c) bersetuju bahawa keputusan PBB adalah muktamad, mengikat dan konklusif dan bahawa tiada rayuan, surat-menyurat, pertanyaan atau bantahan akan dilayani.
- 6.2 Untuk meneliti Notis Kerahsiaan PBB mengenai bagaimana PBB menggunakan maklumat anda atau sekiranya anda ingin menerima maklumat mengenai produk dan perkhidmatan termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran PBB dan syarikat gabungannya, sila layari www.pbebank.com.my atau mana-mana cawangan PBB.

Perakuan Pelanggan	
<p>Saya/Kami/Organisasi dengan ini mengesahkan telah membaca dan memahami Terma dan Syarat yang dinyatakan di atas dan mengesahkan bahawa saya/kami/organisasi menerima semua Terma dan Syarat di atas dan bersetuju untuk mematuhi. Ini ialah alamat e-mel _____ untuk menerima e-Baucar Shopee bernilai RM288 apabila Kriteria Kempen dipenuhi.</p>	
Cap Getah untuk Organisasi	
Tandatangan Dibenarkan	
Pemohon Pertama	Pemohon Ke-2
Nama: No. KP/Pasport:	Nama: No. KP/Pasport:
Pemohon Ke-3	Pemohon Ke-4
Nama: No. KP/Pasport:	Nama: No. KP/Pasport:
Untuk Kegunaan Bank	
<p>Nombor Akaun ACE Enterprise: Deposit Permulaan: Pakej PB enterprise: Disaksikan dan Dilayani oleh:</p> <p>_____</p> <p>(Tandatangan dan Cap Getah Pegawai) Tarikh:</p>	